

08/12/1998

Azizan buat laporan selepas temui PM

sin; Ahmad Nazri Mohamed; Junita Mat Rasid; Munira Yusoff
KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu seorang saksi dalam kes Datuk Seri Anwar Ibrahim yang beliau akan menjalankan siasatan lanjut ke atas akuan bersumpah berhubung dakwaan bekas Timbalan Perdana Menteri meliwat pemandu isterinya, Mahkamah Tinggi di sini diberitahu hari ini.

Azizan Abu Bakar, saksi pendakwa ke-12 berkata beliau berkeyakinan membuat laporan polis pada 16 September lalu, selepas menemui Perdana Menteri dan ketika itu Anwar sudah tidak 'berkuasa' lagi.

Menjawab soalan balas Gurbachan Singh, seorang daripada sembilan peguam bela Anwar, kenapa beliau membuat laporan selepas 36 hari menandatangani surat akuan bersumpah itu, Azizan menjawab:

"Saya membuat laporan polis selepas 36 hari kerana ketika itu Datuk Seri Anwar tidak lagi berkuasa (orang ramai ketawa). Saya juga dapat keyakinan selepas bertemu YAB Perdana Menteri yang beliau akan menjalankan siasatan lebih lanjut lagi."

Azizan berkata, tidak ada sesiapa yang menasihatkannya supaya membuat laporan polis berhubung akuan bersumpah itu.

(Pada Rabu lalu ketika disoal oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail, Azizan memberitahu mahkamah beliau membuat laporan polis kerana takut selepas diganggu oleh 'orang-orang' Anwar.

Laporan polis itu yang dibuat di Ibu Pejabat Polis Dang Wangi menyebut: "Pada awal Ogos 1998, setelah beberapa kali dihubungi oleh Ma`amin dengan peguam Sukhdev untuk menandatangani akuan bersumpah. Saya pergi ke pejabat peguam Sukhdev pada 10 Ogos 1998, jam 3 petang.

Apabila sampai di pejabatnya, peguam Sukhdev sudah menunjukkan satu pengakuan bersumpah yang disediakan olehnya. Saya disuruh membaca isi kandungannya, tetapi saya enggan menandatangani kerana pengakuan ini menunjukkan penafian saya terhadap kejadian meliwat yang berlaku ke atas diri saya oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Peguam Sukhdev ubah para lima surat pengakuan itu, saya masih enggan menandatangani, tetapi selepas diberitahu dan difahamkan bahawa pengakuan hanya berkaitan buku 50 Dalil Kenapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM dengan perasaan takut terhadap Datuk Seri Anwar dan orang-orangnya, saya menandatangani pengakuan tersebut di depan seorang pesuruhjaya sumpah di bilik 304, Tingkat 3, Wisma Ten Pen).

Kepada soalan Gurbachan, Azizan berkata: Saya mula berjumpa dengan peguam Sukhdev Singh pada akhir Jun 1998.

Gurbachan: Berapa kali jumpa peguam?

Azizan: Maaf, saya tidak ingat.

Gurbachan: Lebih kurang?

Azizan: Tiga atau empat kali.

Gurbachan: Akhir sekali bila jumpa dia (Sukhdev)?

Azizan: Akhir sekali saya berjumpa apabila dia menelefon menyuruh saya untuk menandatangani satu surat, katanya, iaitu pada 10 Ogos 1998.

Gurbachan: Pada hari itu, kamu pergi dan tandatangani surat itu?

Azizan: Ya, setelah saya berasa takut.

Gurbachan: Walaupun kamu kata kamu ditakutkan, kenapa teruskan juga menandatangani surat itu?

Azizan: Saya terus menandatangani surat itu kerana saya ditakutkan oleh 'orang-orang' suruhan tertuduh.

Gurbachan: Yang Arif, saksi ini tidak boleh membuat dakwaan itu, mana

dia tahu itu `orang-orang' suruhan Datuk Seri Anwar. `Orang-orang' itu siapa?

Azizan: Ma`amin Latib dan Rahim King (Dahalan).

Gurbachan: Hanya Ma'amin dan Rahim King, itu saja?

Azizan: Dan peguam Sukhdev Singh yang selalu telefon saya. (Orang ramai ketawa).

Gurbachan: Sukhdev Singh cuma telefon saja?

Azizan: Ya.

Gurbachan: Ada buat laporan polis?

Azizan: Ya, saya ada buat laporan polis ke atas surat akuan bersumpah yang saya tandatangani.

Gurbachan: Tiada siapa lagi yang menakutkan kamu?

Azizan: Ya. Betul.

Sebelum itu, Azizan memberitahu mahkamah beliau tidak memberi salinan pengakuan bersumpahnya (dakwaan diliwat Anwar atau P14C) kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Gurbachan: Adakah kamu sebar P14C kepada sesiapa?

Azizan: Saya tidak sebar P14C kepada sesiapa.

Gurbachan: Kamu tidak beri P14C pada sesiapapun?.

Azizan: Betul, melainkan pegawai polis daripada Jabatan Siasatan Jenayah semasa membuat pemeriksaan di rumah saya.

Gurbachan: Adakah kamu tahu sesiapa yang sebar P14C?

Azizan: Saya tidak tahu.

Gurbachan: Ada sesiapa meminta kebenaran untuk sebar P14C?

Azizan: Tidak. Saya tidak berjumpa sesiapa dan memberi kebenaran untuk sebar P14C.

Gurbachan: Oleh itu, kamu hairan P14C disebar?

Azizan: Saya hairan P14C disebar.

Menjawab soalan balas Gurbachan, Azizan memberitahu mahkamah P14C dibuat sebulan sebelum Perhimpunan Agung Umno yang berlangsung pada September 1997.

Beliau yang bukan ahli Umno memberitahu mahkamah, pada ingatannya Ummi Hafilda Ali adalah ahli Umno.

(END)